

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN  
AYUB [ PULAI ]**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas-tugas Duta Khas Timur Tengah bertaraf menteri ini tertakluk di bawah Kementerian Luar Negeri dan bolehkah Duta ini menjadi jurucakap bagi pihak Malaysia berkaitan isu dan krisis yang berlaku di negara-negara Timur Tengah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Utusan Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah adalah lantikan terus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh yang demikian, tugas-tugasnya adalah tertakluk kepada arahan Perdana Menteri dan tidak tertakluk di bawah Kementerian Luar Negeri. Walau bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab Utusan Khas Perdana Menteri Ke Timur Tengah sentiasa diselaraskan bersama Kementerian Luar Negeri dari semasa ke semasa.

2. Berhubung dengan peranan sebagai jurucakap bagi pihak Malaysia berkaitan isu dan krisis yang berlaku di negara-negara Timur Tengah, ianya adalah tertakluk kepada arahan Perdana Menteri. Fokus utama Utusan Khas Timur Tengah adalah untuk meningkatkan hubungan dua-hala antara Malaysia dengan negara-negara dari rantau Timur Tengah meliputi antaranya dalam bidang hubungan luar, ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan serta dalam bidang agama Islam tanpa apa-apa pengkhususan dalam pengurusan isu dan krisis di negara-negara rantau tersebut.

Sekian, terima kasih.